

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek HSR ini kini di tahap perancangan dan perundingan bersama Kerajaan Singapura. Pada suku keempat tahun 2015, pihak SPAD bersama pihak Land Transport Authority (LTA), Singapura telah melancarkan Kaji Selidik Pasaran melalui kaedah Permintaan Maklumat (Request for Information-RFI) untuk mendapatkan pandangan pasaran berkenaan pendekatan dan struktur projek dari aspek komersil dan teknikal. Sebanyak 98 maklum balas telah diterima daripada syarikat dan konsortium berkait industri HSR yang berpusat di Malaysia, Singapura, Asia Pasifik, Eropah, Timur Tengah dan Amerika Utara. Syarikat dan konsortium tersebut telah mengemukakan minat untuk menyertai projek HSR ini. Hasil daripada kajian ini digunakan untuk membantu kedua-dua Kerajaan membuat keputusan berkenaan penentuan struktur projek. Malaysia dan Singapura sedang dalam proses menentukan penentuan struktur projek, kaedah-kaedah pelaksanaan dan perolehan bersama pihak-pihak berkepentingan.

Selain itu, kedua-dua negara juga sedang merangka memorandum persefahaman (MoU) yang dijangka akan ditandatangani menjelang

## SOALAN NO.55

pertengahan tahun ini. Perbincangan diperingkat pegawai dari kedua-dua negara sedang giat dijalankan bagi memuktamadkan memorandum persefahaman ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi status terkini mengenai projek landasan berkembar elektrik Gemas-Johor Bahru, Kementerian Pengangkutan telah menerima cadangan tender yang dikemukakan oleh gabungan usahasama kontraktor-kontraktor (Konsortium) daripada Negara China dan penilaian ke atas cadangan tender tersebut telah diselesaikan. Rundingan harga dijangka akan dibuat di dalam Bulan Jun 2016. Kementerian Pengangkutan menjangkakan projek ini akan dimulakan secara fizikal selewat-lewatnya pada suku kedua tahun 2016.

Projek ini akan mengambil masa selama 48 bulan dan dijangka akan siap pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.